



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

KENYATAAN TENDER

Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan seperti di bawah yang masih sah, berkuat kuasa serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini dipelawa untuk menyertai tender-tender seperti yang berikut:

No. Tender	Tajuk Tender	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat	Tarikh Tutup Tender
5/2018	Kontrak Perkhidmatan Pengedaran Buku Teks Skim Pinjaman Kegunaan Tahun 2019 Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka	010102 Bahan Bacaan	Tarikh : 10 Oktober 2018 (Rabu) Masa : 11.30 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Tun Perak, Aras 29, Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur.	31 Oktober 2018 (Rabu) 12.00 tengah hari
6/2018	Kontrak Perkhidmatan Pracetak dan Pencetakan Majalah Dewan Siswa Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka	221601 Mencetak Buku, Majalah, Laporan Akhbar	Tarikh : 11 Oktober 2018 (Khamis) Masa : 11.30 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Tun Perak, Aras 29, Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur.	1 November 2018 (Khamis) 12.00 tengah hari
7/2018	Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata di Dewan Bahasa dan Pustaka	220801 Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	Tarikh : 12 Oktober 2018 (Jumaat) Masa : 10.00 pagi Tempat : Stor Teater, Wisma DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur.	2 November 2018 (Jumaat) 12.00 tengah hari

Kehadiran syarikat yang berminat ke sesi taklimat yang dijadualkan adalah **DIWAJIBKAN**. Ketidakhadiran atau kelewatan ke sesi taklimat boleh dianggap sebagai tidak berminat untuk menyertai tender-tender ini.

Dokumen Tender boleh diperoleh pada waktu pejabat pada hari taklimat tender-tender berkenaan di **Bahagian Kewangan dan Bekalan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Aras 27, Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur** dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** senaskhah, dan hendaklah dibayar dalam bentuk wang tunai. Syarikat perlu menunjukkan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempoh pendaftaran, dan menyerahkan satu salinan sijil berkenaan semasa membeli Dokumen Tender. Dokumen Tender yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dialamatkan kepada:

**Bahagian Kewangan dan Bekalan,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Aras 27, Menara DBP,
Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur.**

Masa dan tarikh tutup tender tidak lewat dari **pukul 12.00 tengah hari** pada tarikh-tarikh yang dinyatakan di jadual di atas. Dokumen Tender yang lewat dari tarikh dan masa ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Dewan Bahasa dan Pustaka tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.